

26 AUG 1997

Bank-Pertemuan

BANK DUNIA NAFI ATUR PERTEMUAN DR MAHATHIR-SOROS

WASHINGTON, 26 Ogos (Bernama) -- Bank Dunia telah menafikan ia mengatarkan pertemuan khas antara Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan tokoh kewangan Amerika Syarikat George Soros di Hong Kong bulan depan.

David Thies, jurucakap bagi Bank Dunia berkata kepada Bernama semalam bahawa laporan berkaitan pertemuan itu oleh akhbar asing adalah tidak benar.

Thies berkata: "Tidak benar kami telah mengatarkan pertemuan di antara kedua-dua pihak itu (Dr. Mahathir dan Soros). Tiada sebab untuk kami mengatarkan pertemuan itu."

Beliau berkata Tim Cullen, seorang lagi jurucakap Bank Dunia, baru-baru ini membuat kenyataan di Hong Kong bahawa "Jika Bank Dunia diminta (untuk mengatarkan pertemuan itu), kita mungkin berbuat sesuatu."

Kenyataan itu telah digembar-gemburkan menjadikannya satu spekulasi oleh pihak akhbar, kata Thies.

Di Kuala Lumpur, Dr Mahathir tidak berpuas hati dengan perkara itu dan beliau berkata: "Saya tidak pernah memberi mandat kepada Bank Dunia untuk mengatarkan pertemuan itu.. Saya tidak tahu apa urusan bagi pihak mereka berkaitan perkara itu, cuba membuat spekulasi seumpama itu."

Dr Mahathir telah beberapa kali menyalahkan Soros berkaitan krisis mata wang yang berlaku di rantau ini.

Thies berkata Dr Mahathir dan Soros dijadualkan akan berucap pada beberapa seminar berkaitan Asia sebelum mesyuarat tahunan Bank Dunia-IMF di Hong Kong. "Kehadiran mereka adalah secara kebetulan dan ia telah diaturkan lama sebelum krisis mata wang yang berlaku di Asia Tenggara itu," kata beliau.

Perdana Menteri adalah penceramah utama pada seminar berkaitan "Asia Sebagai Peluang" pada 20 Sept, manakala Presiden Soros Fund Management, USA, George Soros adalah satu dari dua penceramah pada seminar berkaitan "Intergrasi Global" pada 21 Sept.

Mereka akan bercakap mengenai perkara yang berlainan dan pada hari yang berbeza, dan tiada kemungkinan bagi mereka untuk bertemu, kata Thies.--BERNAMA

SH RI